



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	1/11/2019	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Empat **VIP** dalam radar

Orang kenamaan berada dalam 'senarai merah' dikaitkan penyeludupan gading, tanduk

Mohd Jamilul Anbia
Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Empat individu dalam kalangan golongan kenamaan (VIP) bergelar Datuk dan Datuk Seri berada dalam 'radar' pihak berkuasa selepas disyaki terlibat dalam jenayah perdagangan haiwan liar dilindungi.

Sumber berkata, individu terlibat turut berada dalam 'senarai merah' selepas dikaitkan dengan penyeludupan gading gajah dan tanduk badak sumbu Afrika sebelum ini.

"Mereka dalam pemantauan dan didapati licik menyembunyikan aktiviti dan identiti.

"Berdasarkan siasatan sebelum ini, ada antara mereka menggunakan alamat premis palsu bertujuan menghapuskan jejak kegiatan haram dilakukan," katanya.

Menurutnya, kecekapan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berjaya mematahkan beberapa cubaan menyeludup masuk bahagian hidupan liar ini melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), sebelum ini.

"Risikan mendapati, semua tanduk dan gading gajah diseludup masuk ke Malaysia ini ada kaitan dengan

Hobi jahanam VIP

Orang kenamaan dikesan terlibat aktiviti pemburuan haram

Oleh Muhsamad Hafiz Nasawi
mhafiz@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Golongan orang kenamaan (VIP) antara individu dikesan terlibat dalam aktiviti pemburuan haram yang dijangka sebagai hobi, sekali gus memusnahkan khazanah negara.

Kemas Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador ber-

Kesan sindiket curi kayu rosewood

Kuala Lumpur: Persekitaran tinggi terhadap kayu rosewood yang banyak tumbuh dalam hutan di negara ini menyebabkan sindiket antarabangsa sanggup mencurinya sebelum diseludup ke luar negara.

Mendataran perkara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, pihaknya menerima maklumat, baru-baru ini berlaku kegiatan mencuri kayu bernilai tinggi itu dipercayai dilidang sindiket antarabangsa.

"Kita ada maklumat kerana kayu rosewood itu tumbuh dengan banyak di dalam hutan di negara ini."

"Sebaik-baik sindiket itu menyeludupnya ke luar negara malah mereka sangat rakus sehingga menjangkit khazanah negara."

Katanya pada sidang media Co Khazanah di Bukit Aman di sini, semalam.

Berita hobi, Simbah Kemas Pengarah Jabatan Perlindungan Semulajati Malaysia (Dasar dan Perancangan) Datuk Zuhair

▶ LAPORAN Harian Metro, semalam.



ABDUL KADIR

beberapa individu terlibat," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pihaknya akan meneruskan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) bagi membanteras jenayah perdagangan dan pemburuan hidupan liar dilindungi.

Menurutnya, operasi bersama bermula September lalu menampakkan hasil memberangsangkan apabila ramai pemburu tempa-

tan dan warga asing ditahan di seluruh negara.

"Saya memberi amaran kepada mana-mana individu yang menjalankan aktiviti pemburuan haram hidupan liar dan aktiviti pencerobohan supaya menghentikan aktiviti terlibat atau bakal berhadapan dengan tindakan undang-undang yang tegas.

"Adalah diharapkan orang ramai akan terus memberikan sokongan dan bantuan dengan menjadi mata dan telinga Perhilitan dan PDRM bagi membantu program OBK ini melalui penyaluran maklumat dalam usaha melindungi khazanah negara supaya tidak diancam kepupusan.

"Semua maklumat boleh disalurkan melalui Perhilitan Hotline 1-800-88-5151 atau e-aduan melalui laman www.wildlife.gov.my," katanya.

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador mendedahkan ada VIP terlibat dalam kegiatan pemburuan haram hidupan liar sebagai hobi.